


LANGIT TERBUKA

kepentingan nilai
ISLAM DALAM
PENGHAYATAN
PRINSIP RUKUN NEGARA

OLEH

MUHAMMAD
NUZUL IKMAL BIN
MOHAMAD JAFRI

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai rencam kaum, agama dan budaya. Keunikan Malaysia yang tersendiri telah menjadi tumpuan di mata dunia sebagai penanda aras terhadap kedamaian serta kemakmuran masyarakat yang mempunyai kepelbagaian kaum yang berada di pertiwi ini.



ist
ini ad
kelom
dan be
etnik
yang b
harmo

rencam
ia yang
sebagai
kmuran
erada di



Istimewanya sebuah negara yang dinamakan Malaysia ini adalah kerana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kelompok etnik antaranya Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan beberapa suku-suku pribumi lainnya. Setiap kelompok etnik tersebut pula memiliki tradisi, bahasa, dan agama yang berbeza namun hidup bermasyarakat secara aman dan harmoni.

Istimewanya sebuah negara yang dinamakan Malaysia ini adalah kerana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kelompok etnik antaranya Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan beberapa suku-suku pribumi lainnya. Setiap kelompok etnik tersebut pula memiliki tradisi, bahasa, dan agama yang berbeza namun hidup bermasyarakat secara aman dan harmoni.

Kepelbagaian kaum di negara Malaysia juga telah menarik perhatian para pelancong, pengkaji serta pemimpin negara luar untuk bertandang ke Malaysia bagi tujuan pelancongan, jaringan kerjasama dan sebagainya. Pun begitu, usaha bagi mengekalkan keharmonian serta keamanan masyarakat sejagat haruslah dititikberatkan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan bangsa.

Islam merupakan agama yang mengutamakan kedamaian dan kemakmuran. Di dalam agama Islam, kedamaian merupakan tunjang utama untuk menyebarkan semangat saling menyayangi, bekerjasama serta prihatin antara satu sama lain.

Hal ini bertepatan di dalam ayat Al-Quran Surah al-Anfal ayat ke-61:

﴿وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾

Maksudnya: "Tetapi jika mereka condong kepada perdamaian, maka terimalah dan bertawakallah kepada Allah. Sungguh, Dia Maha Mendengar, Maha Mengetahui."



Di sebalik prinsip Rukun Negara yang berkait dengan ajaran agama Islam ialah usaha dalam mewujudkan suasana negara yang harmoni dan mengelakkan daripada wujudnya sebarang perselisihan dan konflik yang mampu memusnahkan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa Islam sangat menjunjung tinggi nilai perdamaian serta diplomasi yang sejahtera sesama manusia. Jika dilihat menerusi konteks masyarakat majmuk di Malaysia ini benar-benar mencerminkan identiti sebuah negara pertiwi disebabkan mereka bersama mendiami negara ini secara aman, memupuk rasa perpaduan, hormat-menghormati dan mewujudkan persefahaman dan persekitaran yang positif antara satu sama lain. Ideologi negara Malaysia dibentuk dengan berpaksikan lima prinsip Rukun Negara yang termaktub pada 31 Ogos 1970 ketika itu adalah bagi mendukung impian Malaysia dalam mencapai perpaduan yang lebih erat buat seluruh masyarakatnya dan berusaha memelihara suatu cara hidup berunsur demokratik.

Pentingnya Nadi Sebuah Negara

Di sebalik prinsip Rukun Negara yang berkait dengan ajaran agama Islam ialah usaha dalam mewujudkan suasana negara yang harmoni dan mengelakkan daripada wujudnya sebarang perselisihan dan konflik

yang mampu memusnahkan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Ketegangan atau konflik yang dahulunya pernah timbul berkait dengan isu perkauman di Malaysia hendaklah dielakkan dan dijadikan pedoman agar ia tidak berulang pada masa hadapan. Oleh sebab itu, pentingnya setiap individu menanam rasa kesedaran terhadap keharmonian yang dikecapi hari ini dan sentiasa memelihara cara komunikasi sesama masyarakat dengan baik dan memupuk budaya hormat-menghormati serta toleransi yang sejahtera.

Allah SWT meninggalkan mesej penting di dalam Surah al-Hujurat ayat ke-10:

Maksudnya: *“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*

kesopan dalam yang tata seti

Pelihara Ke Kesusilaan

Prinsip Rukun Negara kelima iaitu kekusilaan ju dalam usaha kesejahteraan penuh nilai s mempunyai berhubung a Sikap ini per kepada setia menjaga disiplin mempunyai tinggi. Bagi i mengambil e dan cuba un



Prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesucilaan juga sangat ditegaskan dalam usaha menghasilkan kesejahteraan sosial yang penuh nilai sopan santun dan mempunyai tatasusila dalam berhubung antara satu sama lain. Sikap ini perlulah diterapkan kepada setiap individu untuk menjaga disiplin diri dan mempunyai nilai moral yang tinggi.

Pelihara Kesopanan dan Kesucilaan

Prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu kesopanan dan kesucilaan juga sangat ditegaskan dalam usaha menghasilkan kesejahteraan sosial yang penuh nilai sopan santun dan mempunyai tatasusila dalam berhubung antara satu sama lain. Sikap ini perlulah diterapkan kepada setiap individu untuk menjaga disiplin diri dan mempunyai nilai moral yang tinggi. Bagi individu yang suka mengambil enteng akan hal ini dan cuba untuk mencetuskan

sesuatu yang boleh dianggap tidak sopan dan melampaui batas, pasti ianya akan menimbulkan rasa tidak menyenangkan dalam kalangan masyarakat sehinggalah ada yang beranggapan, ke mana hilangnya adab sopan masyarakat hari ini.

Peranan institusi kekeluargaan, masyarakat, media dan teknologi di zaman ini amat penting bagi menggerakkan usaha membina nilai kesopanan dan kesucilaan dalam diri masyarakat ini, mana mungkin anak-anak generasi kini didedahkan dengan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik sekiranya di peringkat mereka sendiri pun sudah ketandusan ilmu berkenaan

LANGIT TERBUKA

akhlak yang sopan melainkan memperoleh secara langsung dengan insan terdekat atau alat yang sentiasa bersama dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam ajaran agama Islam juga Rasulullah SAW sangat menitikberatkan tentang adab dan akhlak. Baginda sebenarnya sudah memperkenalkan kepada kita metod dakwah dengan menunjukkan akhlak yang baik, menjadi *qudwah* dan sentiasa menerapkan nilai moral yang baik pastinya kerja dakwah itu akan lebih mudah digerakkan dan akhirnya meresap ke hati yang menerima.

Kesimpulannya, ideologi dan falsafah Rukun Negara itu sendiri sudah merangkumi beberapa nilai yang persis seperti ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW 1400 tahun yang lalu. Negara Malaysia yang didiami oleh masyarakat yang beragama Islam dan bukan Islam seharusnya bersama memainkan peranan dalam menekankan soal peri pentingnya penghayatan nilai Islam di dalam prinsip Rukun Negara untuk memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat. Landasan ini memberi tumpuan kepada ajaran moral dan etika yang baik, khususnya berkaitan dengan keharmonian, belas kasihan, kesaksamaan, dan penghormatan sesama masyarakat demi membawa membawa nama Malaysia agar dikenali sebagai negara yang aman, harmoni dan penuh kedamaian.

MUHAMMAD NUZUL IKMAL BIN MOHAMAD JAFRI merupakan mahasiswa yang sedang menuntut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)